

TEKS PRESIDEN
DATUK SERI DR ABDUL FATTAH ADULLAH
MAJLIS HI-TEA BERSAMA
YB DATUK SERI SAIFUDDIN NASUTION
ISMAIL
MENTERI DALAM NEGERI

6 DISEMBER 2025
2.15 PETANG
HOTEL TAMU & SUITES, KL

1. Alhamdulillah syukur kehadiran Allah SWT atas limpah kurnia dan Izin-Nya dapat kita bersama dalam majlis Hi-Tea pada hari ini dan bersama Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail Menteri Dalam Negeri sempena Pelancaran Konvoi Trans ASEAN-MADANI Tahun Melawat Malaysia 2026.

2. Kami dari ANGKASA dan juga warga koperasi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas kehadiran Yang Berhormat Menteri dan selaku Penaung program. Ianya amat bermakna apatah lagi dalam kesibukan tugas Yang Berhormat menguruskan hal ehwal keselamatan dan pentadbiran dalam negara.

**Yang Berhormat Datuk Seri, Hadirin
serta Hadirat,**

3. ANGKASA melihat konvoi ini sebagai peluang memperkasa perpaduan serantau dalam bidang ekonomi, budaya dan sosial. Sudah pasti ia mengangkat semangat kerajaan MADANI yang menekankan kerjasama, keterangkuman dan pembangunan bersama.
4. Konvoi Trans ASEAN-MADANI ini sangat selari dengan peranan saya sebagai Presiden ASEAN Co-operative

Organization (ACO), kerana ia mencerminkan aspirasi untuk memperkukuh hubungan serantau, mempermudah jaringan perdagangan antara koperasi ASEAN, serta mengangkat peranan Malaysia sebagai peneraju kerjasama ekonomi rakyat di rantau ini.

5. Sebagai Presiden ACO, saya diberikan amanah untuk memimpin rangkaian koperasi ASEAN yang kini dianggotai 11 buah negara, dengan lebih 66.6 juta anggota melalui lebih 347,599 buah koperasi. Ini adalah kekuatan besar yang boleh digembleng untuk mewujudkan ekonomi yang lebih inklusif dan mampan di rantau ini.

6. Dengan jumlah yang begitu besar, koperasi ASEAN mempunyai potensi untuk memperkukuh rangkaian perdagangan rakyat serantau. Melalui platform ACO, kita sedang berusaha membangunkan rangkaian C2C atau

rangkaian perniagaan *Cooperative to Cooperative* menghubungkan koperasi antara negara terutama dalam sektor halal, pertanian, makanan, logistik, kraftangan dan pelancongan komuniti.

**Yang Berhormat Datuk Seri, Hadirin
serta Hadirat,**

7. Konvoi Trans ASEAN-MADANI ini turut menunjukkan bahawa hubungan pelancongan, perdagangan dan logistik dalam kalangan negara ASEAN boleh diperkasa melalui penyertaan koperasi. Ini selaras dengan usaha menarik pelawat antarabangsa sempena Tahun Melawat Malaysia 2026.
8. Dalam konteks hubungan perdagangan, ANGKASA melihat banyak peluang untuk memperkenalkan produk koperasi Malaysia ke pasaran serantau selain membawa masuk produk koperasi

ASEAN ke Malaysia. Kerjasama rentas sempadan ini akan meningkatkan daya saing dan membuka peluang pasaran baharu.

9. Dalam negara, kerjasama ANGKASA dengan kementerian-kementerian kerajaan, termasuk Kementerian Dalam Negeri, sangat penting. KDN mempunyai ekosistem koperasi yang besar melalui koperasi yang dianggotai penjawat awam seperti Koperasi Polis Diraja Malaysia Berhad, Koperasi Jabatan Penjara Semenanjung Malaysia Berhad dan Koperasi Imigresen Malaysia Berhad.
10. ANGKASA melihat kerjasama dengan KDN sebagai peluang strategik untuk membangunkan kapasiti anggota, memperkukuh kebajikan, meningkatkan literasi kewangan dan memperluas keusahawanan di kalangan penjawat awam. Ini memberi impak terus

kepada kesejahteraan keluarga dan masyarakat.

11. Hari ini, gerakan koperasi Malaysia menghimpunkan lebih 16,284 buah koperasi yang mempunyai keanggotaan melebihi 7.2 juta orang. Jumlah aset koperasi mencapai RM173.3 bilion, manakala perolehan tahunan melebihi RM68.2 bilion. Angka ini membuktikan koperasi adalah sebahagian penting dalam struktur ekonomi negara.
12. Saya yakin kerjasama antara ANGKASA dan KDN akan membuka lebih banyak ruang pembangunan ekosistem koperasi dalam perkhidmatan awam. Program bersama boleh memberi manfaat besar kepada anggota melalui latihan, literasi kewangan, keselamatan perniagaan dan peningkatan kesejahteraan keluarga.

13. Sekali lagi saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berhormat Datuk Seri atas kesudian hadir bersama kami pada petang ini. Semoga pertemuan dan pelancaran konvoi hari ini memperkukuh hubungan kerja antara kementerian, ANGKASA dan seluruh gerakan koperasi seterusnya.

Sekian, Wabillahitaufik Walhidayah
Wassalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh.